



17 MAR, 2026

3 pencuri kabel maut terkena renjatan

Kosmo, Malaysia



Page 1 of 2

3 pencuri kabel maut terkena renjatan

IPOH – Tindakan tiga lelaki yang cuba mencuri kabel di kawasan tanah lapang di Taman Rapat Perdana di sini, semalam, memakan diri apabila mereka maut akibat terkena renjatan elektrik.

Ketua Polis Daerah Ipoh, Asisten Komisioner Muhammad Najib Hamzah berkata, pihaknya menerima maklumat berhubung kejadian itu pada pukul 10 pagi melibatkan kawasan tiang elektrik milik Tenaga Nasional Berhad.

Katanya, bertindak atas maklumat, sepasukan anggota polis pergi ke lokasi dan menemui tiga lelaki tempatan dalam keadaan tidak sedarkan diri sebelum mereka disahkan meninggal dunia.

“Siasatan awal mendapati ketiga-tiga lelaki yang berusia 35 hingga 50 tahun itu terkena renjatan elektrik ketika cuba memotong kabel elektrik pada tiang TNB.

“Mayat ketiga-tiga lelaki terse-

but dihantar ke Jabatan Forensik Hospital Raja Permaisuri Bainun untuk dibedah siasat bagi mengenal pasti punca sebenar kematian,” katanya semalam.

Menurut beliau, kematian ketiga-tiga lelaki tersebut setakat ini diklasifikasikan sebagai mati mengejut sementara menunggu laporan bedah siasat.

“Siasatan dijalankan mengikut Seksyen 379/511 Kanun Keseksaan kerana cubaan mencuri.

»BERITA LANJUT DI MUKA 3



17 MAR, 2026

3 pencuri kabel maut terkena renjatan

Kosmo, Malaysia



Page 2 of 2

3 pencuri kabel maut terkena renjatan

DARI MUKA 1

“Orang ramai yang mempunyai maklumat kejadian ini diminta menyalurkan maklumat dengan menghubungi Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Ipoh di talian **05-2451500** atau balai polis berhampiran,” katanya.

Kosmo! pada 5 Mac lalu melaporkan kegiatan curi kabel yang semakin berleluasa di seluruh negara sejak kebelakangan ini mencetuskan kemarahan dan kebimbangan rakyat apabila jenayah itu bukan sahaja menjejaskan perkhidmatan awam, malah turut mengancam nyawa orang ramai.

Lebih membimbangkan apabila terdapat kes kecurian kabel yang dilakukan secara terbuka dan berani oleh pihak

tidak bertanggungjawab dengan cara menarik kabel menggunakan kenderaan selain meninggalkan penutup lubang dalam keadaan terbuka.

Susulan itu, orang ramai mendesak pihak berkuasa serta kerajaan untuk menggubal dan menguatkuasakan hukuman yang lebih berat terhadap pesalah curi kabel bagi membendung jenayah tersebut daripada terus berulang sehingga boleh mengundang bahaya.

Kecurian kabel tidak hanya melibatkan perkhidmatan KTM Komuter, malah turut berlaku dalam sistem rel bandar, syarikat telekomunikasi serta elektrik sehingga menyebabkan gangguan bekalan, kelewatan perjalanan tren dan masalah talian komunikasi.



ANGGOTA polis mengangkat mayat lelaki yang terkena renjatan elektrik di Taman Rapat Perdana, Ipoh semalam.